

SOALAN NO: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN :

YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan lebih terperinci berkenaan dengan konsep 1Malaysia dalam konteks pembangunan di negara Malaysia. Setakat manakah konsep 1Malaysia berjaya dilaksanakan di negara ini sejak ia mula dilaung-laungkan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep 1Malaysia, yang telah diutarakan sejak tahun 2009 sebagai satu landasan perpaduan berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara, sehingga kini terus dijadikan asas dalam mencorak pembangunan negara dari pelbagai aspek. Kerajaan terus menerapkan gagasan 1Malaysia yang juga berpaksikan konsep Wassatiyah atau kesederhanaan dalam Islam dan "*inclusiveness*" atau keterangkuman, serta keadilan sosial bagi membantu setiap yang memerlukan bantuan, sebagai tunggak utama kestabilan dan kemajuan dalam melakar dasar-dasar negara. Alhamdulillah, gagasan 1Malaysia ini telah mendapat tempat di hati rakyat di seluruh negara sebagai gagasan yang membawa manfaat untuk semua, selain menjadi laungan popular bagi menaikkan semangat patriotik dan kecintaan kepada negara.

Produk-produk bertemakan gagasan 1Malaysia seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik Rakyat 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia, Pusat Bersalin Berisiko Rendah 1Malaysia, Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Amanah Saham 1Malaysia (AS1M), Bantuan Tayar Teksi 1Malaysia (TR1Ma), Menu Rakyat 1Malaysia, Bantuan Buku 1Malaysia dan pelbagai lagi program, projek dan rancangan yang menjurus kepada membantu segenap lapisan masyarakat dari pelbagai kaum, telah dan terus

dilaksanakan bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat ke arah matlamat mencapai status negara maju dengan ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Dalam semua perancangan dasar-dasar pembangunan Malaysia termasuklah Bajet Tahunan dan Rancangan – Rancangan Malaysia ke-10 (2010) dan ke-11 yang akan dibentangkan pada tahun hadapan, gagasan 1Malaysia membentuk batu asas yang paling penting bagi terus memperkukuhkan dan mempereratkan perpaduan rakyat sebagai sumber kekuatan utama Malaysia, negara kita yang tercinta .

Sekian. Terima kasih.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan *dredging* kuala Sungai Limbang yang telah diluluskan tiga tahun yang lepas untuk mengatasi masalah banjir yang melanda bandar Limbang dan kampung-kampung di sepanjang Sungai Limbang semasa air pasang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah sedia maklum berkaitan masalah muara Sungai Limbang. Oleh yang demikian, satu reka bentuk untuk kerja-kerja di Muara Sungai Limbang telah siap pada tahun 2011.

Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pengorekan di Muara Sungai Limbang dalam permohonan peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), namun tidak diluluskan.

Peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja fizikal bagi mendalamkan muara Sungai Limbang akan dilaksanakan sekiranya kelulusan peruntukan yang telah dipohon untuk tahun 2015 diperolehi kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
[SETIU]**

TARIKH : 19 JUN 2013 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan syarikat bas yang dibatalkan dan digantung lesen bagi tahun 2013 dan terkini 2014 oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) kerana didapati melanggar Akta Pengangkutan Awam Darat (APAD) 2010 khususnya yang terlibat dengan kemalangan jalan raya termasuk kemalangan maut dan nyatakan langkah Kerajaan bagi menyatakan kemalangan pengangkutan awam terutamanya bas ekspres yang didapati kerap berlaku sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepanjang tahun 2013, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah menggantung satu (1) lesen pengendali iaitu yang membabitkan kemalangan ngeri di Genting Highlands. Tindakan ini juga adalah sejajar dengan pengenalan Tatacara Amalan Industri (*Industrial Code of Practice*) atau lebih dikenali sebagai SPAD ICOP-Keselamatan yang diperkenalkan kepada semua pengusaha bas ekspres dan bas henti-henti.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPAD ICOP-Keselamatan ini meliputi:

- (i) pengurusan keselamatan;
- (ii) pengurusan pemandu;
- (iii) pengurusan kenderaan bas;
- (iv) pengurusan risiko perjalanan; dan
- (v) pengurusan rekod.

3. Melalui pelaksanaan SPAD ICOP-Keselamatan ini juga, bagi tahun 2014, setakat bulan Mei, sebanyak tujuh (7) lesen pengendali telah digantung perkhidmatannya yang melibatkan 250 jumlah kenderaan. Tindakan ini diambil kerana tiada pematuhan kepada garis panduan yang telah ditetapkan. Penggantungan ini ditarik balik setelah S.P.A.D. berpuashati dengan tindakan pelaksanaan yang ditetapkan.

4. Selain daripada itu, terdapat juga penggantungan khusus kepada kenderaan yang tidak dilengkapi dengan sistem kedudukan sejagat (*Global Positioning System*–GPS) yang setakat ini membabitkan 33 buah kenderaan. Melalui pemantauan juga, lebih kurang 600 buah bas telah diberi amaran dan perlu mematuhi keperluan memasang GPS atau akan berdepan dengan tindakan yang sama.

5. Agensi-agensi Kerajaan seperti Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Institut Kajian Keselamatan Jalan Raya Malaysia (*Malaysian Institute of Road Safety Research – MIROS*), PUSPAKOM dan Kementerian Kesihatan juga mengadakan perjumpaan secara berkala sehingga tindakan yang dirancang selesai dirangka dan dilaksanakan oleh semua pihak secara berkesan bagi memastikan kemalangan ngeri membabitkan pengangkutan awam seperti tragedi di Genting Highlands pada tahun lalu tidak berulang.

6. Selain daripada bas, tindakan penggantungan juga boleh diambil bagi kenderaan teksi dan lori yang melanggar syarat lesen. Tindakan yang sama juga akan dikenakan bagi pemamndu teksi yang tidak menggunakan meter.

Sekian, terima kasih.